

Pernyataan Oleh Pengerusi



Sejak penubuhannya, Kumpulan Public Bank diperkukuhkan oleh nilai-nilai korporat yang teguh, dibina atas pengurusan berhemat, kecemerlangan perkhidmatan dan integriti yang tidak berbelah bahagi. Prinsip-prinsip ini membolehkan Kumpulan meraih dan mengekalkan keyakinan para pemegang saham, pelanggan, kakitangan dan masyarakat merentasi generasi.



Tahun 2025 dipengaruhi oleh corak ekonomi dan politik yang amat kompleks. Ketegangan geopolitik, penstrukturan semula aturan perdagangan global dan gangguan akibat perubahan iklim terus memberi cabaran kepada pertumbuhan dan kestabilan global. Walau bagaimanapun, ekonomi global terus mencatat pertumbuhan sederhana, disokong oleh penyelarasan dasar kewangan terancang dan inflasi yang terkawal.

Tatkala cabaran global memberi tekanan yang ketara kepada Malaysia, ekonomi domestik kekal berdaya tahan, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2% pada tahun 2025. Pertumbuhan dipacu oleh permintaan domestik yang berterusan, di samping aktiviti eksport dan pelaburan yang menggalakkan. Tahun yang sama turut menyaksikan ringgit muncul sebagai salah satu mata wang Asia berprestasi terbaik.

Pada tahun 2025, Kerajaan Malaysia meneruskan agenda pembangunan negara melalui Pelan Malaysia Ke-13 dan pelaksanaan berterusan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030. Kedua-dua pelan ini merupakan hala tuju jangka panjang bagi membina ekonomi yang lebih kompetitif, inovatif dan mampan.

Bagi memastikan kemampanan fiskal jangka panjang, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai penstrukturan semula subsidi. Pelan subsidi bersasar menyokong kedudukan fiskal yang lebih mampan, di samping memastikan kebajikan orang awam terus terpelihara.

2025 turut menyaksikan peningkatan keunggulan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 di bawah tema “Keterangkuman dan Kemampanan” membuktikan kepimpinan negara ini dalam mengukuhkan kemajuan pada peringkat antarabangsa dan serantau.

Perkembangan positif ini menyediakan persekitaran yang mampu menyokong pembangunan ekonomi dalam negara, yang mana sistem kewangan Malaysia yang kukuh terus memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan dan kestabilan.

PERTUMBUHAN DAN KEPERCAYAAN

Tema Laporan Tahunan 2025 Kumpulan Public Bank ialah Pertumbuhan dan Kepercayaan, yang mencerminkan nilai-nilai yang berkekalan dan membimbing Kumpulan sejak penubuhannya oleh mendiang Pengasas dan Pengerusi Emeritus, Tan Sri Dato’ Sri Dr. Teh Hong Piow pada tahun 1966.

Sejak penubuhannya, Kumpulan Public Bank diperkukuhkan oleh nilai-nilai korporat yang teguh, dibina atas pengurusan berhemat, kecemerlangan perkhidmatan dan integriti yang tidak berbelah bahagi. Prinsip-prinsip ini membolehkan Kumpulan meraih dan mengekalkan keyakinan para pemegang saham, pelanggan, kakitangan dan masyarakat merentasi generasi.

Hari ini, tatkala Kumpulan Public Bank terus maju dan memantapkan kedudukannya, nilai-nilai yang sama kekal sebagai teras perjalanannya – memacu progres mampan serta mengukuhkan lagi kepercayaan yang pihak-pihak berkepentingan pupuk dalam Kumpulan.

Prinsip-prinsip ini menjadi semakin penting dalam persekitaran operasi yang sentiasa berubah. Walaupun kekal berwaspada terhadap risiko yang berterusan, Kumpulan Public Bank sedar akan cabaran baharu yang muncul dalam landskap perniagaan. Kumpulan juga aktif dalam penglibatan dengan pihak berkepentingan utamanya bagi memastikan komunikasi berkesan untuk terus membina dan mengekalkan kepercayaan.

BERTERASKAN KEPERCAYAAN


Pada tahun 2025, Kumpulan Public Bank terus mempergiat usaha untuk memenuhi keperluan kewangan pasaran massa. Kumpulan mengukuhkan lagi segmen perniagaan terasnya dan kekal sebagai peneraju bahagian pasaran dalam menyediakan perkhidmatan pembiayaan, peruntukan deposit dan pengurusan unit amanah. Pada tahun yang sama, Kumpulan turut mempertingkatkan rangkaian penyelesaian pengurusan kewangannya yang meluas untuk disesuaikan dengan jangkaan pelanggan serta persekitaran operasi yang sentiasa berubah.

Usaha ini memantapkan lagi kedudukan Kumpulan Public Bank sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang komprehensif dalam pasaran domestik dan serantau. Pada tahun 2025, Kumpulan sekali lagi membuktikan kekuatan dan konsistensinya dengan mencatatkan satu lagi tahun prestasi kewangan yang kukuh.

Pada tahun yang sama, Kumpulan Public Bank mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.54 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 6.8%, dan keuntungan bersih milik pemegang saham meningkat sebanyak 1.1% kepada RM7.22 bilion.

Prestasi Kumpulan Public Bank seterusnya disokong oleh kecekapan kos yang tinggi, kualiti aset yang kukuh dan pengurusan modal yang berhemat – kekuatan teras yang menyumbang kepada kestabilan jangka panjangnya.

Bagi menghargai keyakinan dan kepercayaan pemegang saham yang tidak berbelah bahagi terhadap Kumpulan Public Bank, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan jumlah dividen sebanyak 22.5 sen, bersamaan dengan amaun pembayaran keseluruhan sebanyak RM4.37 bilion bagi tahun kewangan 2025. Ini merupakan pembayaran dividen yang lebih tinggi iaitu 60.5% daripada keuntungan bersih Kumpulan Public Bank bagi tahun 2025 berbanding dengan tahun 2024.



MEMACU PERTUMBUHAN MAMPAN DAN KETERANGKUMAN

Tatkala Kumpulan Public Bank mengadaptasi transformasi digital secara proaktif untuk meningkatkan keupayaan sedia adanya dan membina kecekapan baharu, Kumpulan terus memelihara kepercayaan sebagai fokus utamanya.

Kumpulan Public Bank terus menambah baik platform digitalnya untuk meningkatkan kebolehcapaian, keselamatan dan pengalaman pengguna serta memastikan pelanggan diberi perkhidmatan yang baik dalam landskap digital yang sentiasa berkembang. Lebih penting, pengadaptasian digital perlu disokong oleh pengurusan berkesan bagi menangani gangguan dan memastikan daya tahan operasi yang berterusan. Ini termasuklah komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap usaha melindungi pelanggan melalui inisiatif keselamatan siber yang berterusan.

Kumpulan Public Bank turut mengutamakan daya tahan sosial dan alam sekitar. Pada tahun 2025, Kumpulan berpegang teguh kepada komitmen kemasyarakatannya melalui pelbagai inisiatif, termasuk program berfokuskan pendidikan untuk menyokong peluang pembelajaran bagi golongan yang kurang berkemampuan, serta aktiviti pembersihan pantai yang memupuk kesedaran alam sekitar.

Pada tahun yang sama, Kumpulan Public Bank menganjurkan Minggu Kelestarian buat julung-julung kalinya, bertujuan untuk mengukuhkan penglibatan kakitangan dan meningkatkan kerjasama dengan organisasi bukan kerajaan, sekali gus mewujudkan wadah untuk kesedaran, aktiviti kesukarelawanan dan tindakan bersama.

Selain itu, Kumpulan Public Bank terus meningkatkan fokus strategiknya terhadap pembangunan modal insan yang berfokuskan pengetahuan, kemahiran dan kesihatan kakitangan bagi memastikan warga Kumpulan Public Bank kekal sebagai asas kukuh yang menyokong daya tahan organisasi.

PROSPEK POSITIF UNTUK TAHUN 2026

Meninjau ke hadapan, ketidaktentuan global yang berpanjangan dijangka terus menjadi cabaran kepada ekonomi global. Dari sudut positif, dasar pro-pertumbuhan oleh negara ekonomi utama berkemungkinan akan terus menyokong ekonomi dunia.

Pada peringkat domestik, asas ekonomi Malaysia kekal kukuh. Disokong oleh usaha bersepadu Kerajaan dan Bank Negara Malaysia, pertumbuhan ekonomi negara yang stabil dijangka berterusan pada tahun 2026.

Meninjau tahun 2026, tahun ini menandakan satu lagi pencapaian penting bagi Kumpulan Public Bank apabila Kumpulan meraikan sambutan perjalanannya yang ke-60 tahun dalam industri perbankan. Pencapaian ini membuktikan daya tahan dan keyakinan jangka panjang daripada pihak berkepentingan. Membina kemajuan berlandaskan asas teguh ini, Kumpulan akan terus fokus dalam mengukuhkan budaya memupuk kepercayaan dan terus menjana nilai berpanjangan untuk pihak yang berkepentingan dengannya.

SENTIASA BERSYUKUR

Kumpulan Public Bank menghargai kepercayaan dan sokongan berterusan daripada para pemegang saham, pelanggan serta pihak pengurusan dan kakitangannya yang berdedikasi.

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa berkaitan atas bimbingan dan sokongan mereka yang tidak luntur.

Perjalanan Kumpulan Public Bank sentiasa berpandukan disiplin, konsistensi dan integriti.

Tatkala kami maju ke hadapan, kami terus komited untuk memantapkan legasi ini – memacu pertumbuhan mampan di samping memberi sumbangan bermakna kepada kemajuan negara.

LAI WAN | Pengerusi